

PENCEN MINIMUM SKIM KEILATAN

Naik kepada RM550 sebulan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mengumumkan pelarasan kos sara hidup bagi bayaran faedah berkala dan kenaikan kadar pencen minimum skim keilatan berkuat kuasa 1 Januari 2023, semalam.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan berkata, kadar pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala Perkeso adalah antara 0.7 hingga 9.4 peratus mengikut tahun pencen diterima.

Beliau berkata, pelaksanaan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) pula akan ditingkatkan daripada kadar sedia ada sebanyak RM475 kepada RM550 sebulan.

"Pelarasan bayaran faedah berkala Perkeso dijangka memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima faedah sedia ada dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM213 juta.

"Peningkatan kadar pencen minimum ini dijangka memanfaatkan kira-kira 56,000 isi ru-



Peningkatan kadar pencen minimum ini dijangka memanfaatkan kira-kira 56,000 isi rumah dalam membantu menangani kenaikan kos sara hidup menerusi peruntukan kewangan sebanyak RM21 juta"

Saravanan.

mah dalam membantu menangani kenaikan kos sara hidup menerusi peruntukan kewangan se-

banyak RM21 juta," katanya pada sidang media berhubung pelarasan skim Perkeso, di sini, semalam.

Saravanan berkata, pelaksanaan inisiatif itu adalah lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh International Labour Organisation.

"Ia telah mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia yang terkesan akibat pandemik Covid-19, peningkatan kos sara hidup dan juga kenaikan kadar inflasi," katanya.

Beliau berkata, faedah Perkeso di bawah Akta 4 yang dibayar secara berkala merangkumi Pencen Ilat dan Pencen Penakat di bawah Skim Keilatan manakala Faedah Hilang Upaya Kekal dan Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

"Sehingga kini, pelarasan kos sara hidup bagi bayaran faedah berkala Perkeso sudah dibuat sebanyak 10 kali di bawah Skim Keilatan dan 12 kali di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

"Sehubungan itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan agensinya, Perkeso berharap inisiatif ini akan dapat meringankan beban kewangan Keluarga Malaysia pasca pandemik Covid-19," katanya.

Subahan Kamal dilantik Pengerusi Perkeso

Kuala Lumpur: Datuk Seri Subahan Kamal dilantik sebagai Pengerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) baharu berkuat kuasa, semalam.

Mengumumkan perkara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, Subahan menggantikan Tan Sri Dr Mohamed Haniffa Abdullah yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, bulan lalu.

"Saya percaya dengan pengalaman (Datuk Seri) Subahan dalam pelbagai bi-

dang akan membawa nafas baharu kepada Perkeso.

"Saya juga yakin beliau akan membawa perubahan yang baik kepada pertubuhan ini sejajar perkembangan semasa," katanya pada sidang media semalam.

Subahan ketika ini juga turut memegang jawatan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (KHM).

SUBAHAN



MYDIN

Daftar Sekarang!

Nikmati tawaran terbaik & penjimatan hebat



Promosi Sah: 7 - 10 Oktober 2022

<p>ORAL-B CA PH 7 Benefits Cross Action Berus Gigi Pek Beli 2 Percuma 1</p> <p>17.89 HINGGA 18.89 /SATU</p>	<p>REJOICE Syampu Pelbagai Variasi 600 ml</p> <p>14.49 /SATU</p>
<p>PANTENE Syampu Pelbagai Variasi 340 ml</p> <p>8.50 /SATU</p>	<p>HEAD & SHOULDERS Syampu Pelbagai Variasi 300ml / 330 ml</p> <p>12.90 /SATU</p>
<p>AMBI PUR Gel Penyegar Udara Pelbagai Variasi 2 x 180 gm</p> <p>12.99 /PEK</p>	<p>FEBREZE Penyegar Fabrik Pelbagai Variasi 370 ml</p> <p>8.99 /SATU</p>
<p>*DYNAMO Cecair Pencuci Pakaian Pek Isian Semula Pelbagai Variasi 2.95kg / 3kg</p> <p>19.99 /SATU</p>	<p>DOWNY Pelembut Fabrik Pek Isian Semula Pelbagai Variasi 1.35 Liter</p> <p>14.89 /SATU</p>

* Hanya terdapat di pasar raya terpilih

BAYAR DENGAN **Boost** | **MYDIN**



Muat turun aplikasi Boost sekarang.



10%*
Cashback

untuk Jenama Terpilih

Belanja minima RM50

*Tertakluk pada terma dan syarat

BELI SEKARANG DI
mydin.my



Untuk Maklumat Lanjut Imbas QR

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

MydinMalaysia

Semua harga dan maklumat disahkan betul pada masa percetakan tetapi tertakluk pada perubahan tanpa sebarang notis. Segala perhatian telah diambil kira dalam penerbitan dan sebarang kesilapan yang tidak disengajakan adalah dikesali. Justeru, MYDIN Mohamed Holdings Bhd. (221448-A) tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. MYDIN juga berhak mengemukakan kuantiti barangan yang dijual serta melarang jualan kepada ahli-ahli dagangan berdasarkan pertimbangan kami.